

Penduduk bimbang penempatan lenyap

Kota Bharu: Penduduk Kampung Pantai Kundur di sini, bimbang penempatan mereka akan lenyap ditelan laut dalam tempoh tiga tahun lagi jika tiada langkah mencegah hakisan pantai, termasuk membina benteng pemecah ombak dilaksanakan segera.

Kebimbangan mereka berasas kerana dalam tempoh 15 tahun, sekurang-kurangnya 50 rumah sudah menjadi mangsa berikutan hakisan pantai yang teruk hingga pemiliknya terpaksa berpindah. Ancaman itu juga melesapkan sebatang sungai kecil yang ada di kampung terbabit suatu ketika dahulu.

Sebelum ancaman berkenaan, penempatan itu adalah perkampungan luas yang didiami lebih 150 keluarga dan hampir 2,000 penduduk.

Hampir dengan pantai

Bagi Rohani Hassan, 51, yang tinggal di kampung terbabit sejak lahir, masih segar dalam ingatan kewujudan sungai dan kelompok rumah jiran yang memisahkan rumahnya dengan pantai, namun kini lokasi kediamannya menjadi begitu hampir dengan pantai.

“Dahulu, rumah yang menempatkan kami sembilan beranak masih boleh bertahan walaupun air pasang besar, namun kini tidak mampu bertahan lagi apabila air pasang besar awal bulan ini. Ketika itu, ombak besar hingga paras bumbung menyebabkan pasir mence-

cah paras pinggang memenuhi ruang dalam rumah.

Rumah ranap dibadai ombak

“Rumah kami akhirnya ranap dibadai ombak besar,” kata ibu tujuh anak ini yang terpaksa menumpang sementara di rumah ibunya sejak kejadian berkenaan sehingga rumah baharu mereka siap dibina oleh penduduk secara gotong-royong.

Beliau yang mengaiki tidak boleh tidur lena memikirkan nasib mereka, berkata sudah puluhan tahun Pantai Kundur diancam hakisan, namun paling serius sejak dua tahun lalu selepas benteng penahan ombak dibina di Pantai Cahaya Bulan (PCB) yang menyebabkan ombak bertambah kuat menghentam Pantai Kundur.

Seorang lagi penduduk, Fauzi Hussein, 52, berkata setiap tahun kampung mereka semakin mengecil, malah sebahagiannya sudah ditelan lautan yang menyebabkan penduduk hidup dalam kebimbangan.

“Melihat keadaan semasa, tidak mustahil Kampung Pulau Kundur mampu bertahan tiga tahun sahaja lagi,” katanya.

Beliau berkata, keluarganya juga pernah memiliki tanah seluas tujuh hektar, namun kini hanya baki satu hektar selepas sebahagian besar sudah ditelan laut.



“*Dahulu, rumah yang menempatkan kami sembilan beranak masih boleh bertahan walaupun air pasang besar, namun ia tidak mampu bertahan lagi apabila air pasang besar awal bulan ini*”

Rohani Hassan,
Penduduk

Sebahagian rumah penduduk hampir musnah di Kampung Pantai Pulau Kundur, Kota Bharu.

(FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR/BH)

PANTAI PULAU KUNDUR

